



# Cagamas fokus pasaran modal

**KUALA LUMPUR 4 Mei** - Cagamas Holdings Berhad menerusi anak syarikat milik penuhnya, Cagamas Berhad (Cagamas) telah menerima penarafan akreditasi antarabangsa A3 daripada Moody's.

Ini menunjukkan perkembangan signifikan Cagamas dalam pasaran modal antarabangsa melalui penubuhan AS\$2.5 bilion (RM8.98 bilion) Nota Konvensional Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang (EMTN) dan Program Terbitan Sukuk Pelbagai Mata Wang AS\$2.5 bilion (RM8.98 bilion).

Pengerusinya, Datuk Ooi Sang Kuang berkata, terbitan mata wang asing Cagamas dalam pasaran antarabangsa menerima permintaan tinggi terutama daripada segmen pasaran yang pelbagai termasuk pengurus wang terkemuka dunia dan dana kekayaan merentasi rantau ini.

"Cagamas telah menyusun semula strateginya sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan menambah keupayaan dengan menawarkan pelba-

gai penyelesaian kewangan bagi mengekalkan pertumbuhan masa depan.

"Untuk itu, Cagamas akan meneruskan usaha untuk meningkatkan portfolio antara produk konvensional dan islamik termasuk memperkenalkan struktur sukuk yang berupaya menarik pelabur dari rantau ini dan juga antarabangsa," katanya dalam kenyataan selepas Mesyuarat Agung Tahunan Kali Kelapan di sini baru-baru ini.

Di bawah program EMTN, Cagamas membuat penampilan dalam pasaran modal antarabangsa dan berjaya mengeluarkan bon luar pesisir terbesar, China Renminbi (CNH) menerusi terbitan Malaysia dengan nilai CNH 1.5 bilion pada September 2014.

Cagamas telah menyusun semula strateginya sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan menambah keupayaan...

**OOI SANG KUANG**  
Pengerusi Cagamas